

# Sindiket rokok terbesar tumpas

Rampasan bernilai RM6.66 juta hasil dua serbuan berasingan di Kempas dan Pandan

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua Johor menumpaskan sindiket pengedaran rokok seludup terbesar di negeri tersebut bernilai RM6.66 juta dalam dua serbuan berasingan di Kempas dan Pandan di sini kelmarin.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, dalam serbuan tersebut, dua lelaki warga tempatan yang bekerja sebagai pemandu lori berusia 45 dan 48 tahun ditahan.

Menurutnya, dalam serbuan pertama kira-kira jam 3 petang ke atas sebuah lori di Plaza Tol Kempas, suspek berusia 45 tahun ditahan bersama 420 kotak besar berisi rokok pelbagai jenama dengan anggaran RM3.33 juta manakala serbuan kedua pada jam 5.40 petang di Pandan pula melibatkan penahanan suspek berusia 48 tahun ditahan bersama 416 kotak besar berisi rokok pelbagai jenama.

"Bekalan rokok dipercayai dari negara jiran, melalui perairan negara. Sindiket banyak mendarat di kawasan perairan timur Johor. Ada yang melalui jalan diwartakan dan tidak diwartakan.

"Modus operandi sindiket kini dikesan tidak lagi menyimpan stok rokok seludup dalam gudang penyimpanan kerana mudah dikesan polis.

"Sebaliknya, sindiket akan transit rokok seludup di perairan negara ke dalam bot-bot ke-



Rokok seludup yang berjaya dirampas oleh PPM Wilayah Dua Johor dalam dua serbuan berasingan di Kempas dan Pandan, Johor Bahru kelmarin.

cil dan terus dibawa ke darat dan dipindahkan ke dalam lori untuk diedarkan di dalam negeri atau pasarannya luar," katanya pada sidang akhbar di Markas PPM Wilayah Dua Johor di Tampoi di sini semalam.

Hadir sama Komander PPM

Wilayah Dua, Asisten Komisioner Muhd Zailani Abdullah.

Ayob Khan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 135(1) (E) Akta Kastam 1967 dan kedua-dua suspek direman bermula semalam.

Dalam pada itu Ayob Khan

berkata, pihaknya tidak hanya menumpukan kepada kes-kes besar sebaliknya akan turut menggempur premis yang didapati menjual rokok seludup dalam masa terdekat.

Beliau berkata, kesalahan berkaitan penyeludupan seperti rokok dan arak telah dicadangkan untuk diletakkan di bawah kesalahan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

"Kita sudah cadangkan kesalahan penyeludupan ini dimasukkan dalam SOSMA dan jenayah terancang kerana kegiatan ini sindiket bukan individu, polis lebih mudah ambil tindakan terhadap mereka.

"Kita telah kenal pasti 'kepala' sindiket penyeludupan ini tetapi untuk kaitkan dengan aktiviti penyeludupan ini adalah sukar. Justeru, kita sudah cadangkan supaya kesalahan ini dimasukkan di bawah SOSMA," katanya.